


BINTIK HALUS DI BAWAH MATA

Rejim penjagaan kulit wanita perlu konsisten agar efek yang dikehendaki menepati sasaran. Ramai wanita bimbang dengan masalah kulit bawah mata. Ini kerana jika badan lesu atau stres, kulit di bawah mata paling cepat menunjukkan kesannya seperti lingkaran gelap bawah mata. Namun, paling menakutkan wanita apabila timbul bintik-bintik halus di bahagian bawah mata. Ada yang mengatakan bintik-bintik halus tersebut adalah lebihan protein, benar kah?

PENYELARAS: HAMIZATUL MAIZAN MOHAMED FOTO: WWW.123RF.COM



Terdapat beberapa jenis bintik-bintik yang boleh terbentuk di bahagian kawasan mata.

Oil seed (Milia) – benjol putih kecil yang terbentuk pada wajah ketika sel-sel kulit mati terperangkap di bawah permukaan kulit dan akibatnya membentuk kista yang kecil dan keras. Elak daripada menggunakan pelembap muka yang bertekstur krim berat. **Skin tag (daging kuil)** – adalah jaringan yang tumbuh pada sel kulit yang menyebabkan sel tersebut tumbuh dengan cepat dan membentuk tonjolan. Salah satu punca terbentuknya daging kuil adalah perubahan hormon dan satu lagi punca adalah disebabkan oleh faktor keturunan.

Terdapat beberapa punca berlakunya bintik halus iaitu pendedahan kepada sinaran matahari, perubahan hormon seperti mengandung, pengambilan ubatan tertentu atau faktor penuaan. Bagi mengatasi masalah ini, perlu menggunakan rangkaian jagaan kulit yang mencerahkan, merawat serta mencegah pembentukan bintik halus dari dalam. Untuk perlindungan guna krim pelindung tabir suria yang melindungi kulit secara mendalam dari kesan sinaran UVA/UVB. Pengambilan pemakanan kesihatan yang mengandungi Vitamin C juga digalakkkan.

Eksfoliasi wajah

Teknik ini juga dikenali sebagai pengelupasan adalah untuk menanggalkan sel-sel kulit mati di atas permukaan kulit. Boleh mendapatkan khidmat daripada mereka yang pakar di spa

kecantikan atau di medispa. Namun, eksfoliasi ini juga boleh dilakukan sendiri di rumah dengan menggunakan bahan-bahan seperti campuran gula dengan minyak zaitun. Sapu campuran tersebut di atas permukaan wajah dan lakukan dalam pergerakan membulat. Penyingkirkan sel-sel kulit mati ini dapat membenarkan pertumbuhan sel kulit baru dan mengecilkan pori-pori wajah.

Krim retinoid

Krim ini boleh menyingkirkan bintik-bintik halus kerana mengandungi vitamin A. Bagi mengelakkan bintik-bintik halus ini timbul lagi boleh menambahkan produk yang mengandungi retinol sekali sehari dalam rutin penjagaan kulit. Paling penting jangan lupa menyapu krim tabir suria untuk melindungi kulit daripada kerakusan cahaya matahari. Krim tabir suria ini juga mampu menyeimbangkan krim retinoid dan melindungi kerosakan kulit.

Topeng madu

Madu sangat berguna dalam kehidupan manusia. Apabila madu digunakan sebagai topeng wajah boleh membantu mengurangkan keradangan kulit akibat bakteria atau iritasi. Walaupun bintik-bintik halus ini bukan berpunca daripada bakteria namun campuran madu sebagai topeng atau masker boleh memperbaiki permukaan kulit yang lebih bersih dan sihat. Campuran madu bersama serbuk kulit kayu manis adalah yang terbaik bagi tujuan ini. Campurkan 3 sudu besar madu bersama 1 sudu besar serbuk kulit kayu manis dan sapu di atas permukaan kulit wajah. Selepas 20 minit, bilas dengan air bersih.